

# Bahaya jika perlembagaan dipinda — Mahathir

M 16 SEP 1987

PULAU PINANG 15 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan tentang bahaya yang mungkin timbul jika perlembagaan dikaji dan dipinda.

Katanya, selain dari kedudukan politik tidak stabil, ia juga akan menimbulkan masalah kepada pelaburan.

Bercakap di sidang akhbar di akhir lawatan rasmi tiga hari ke Pulau Pinang di sebuah hotel di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata, jika perlembagaan mahu dipinda, masyarakat bukan bumiputera mungkin akan mendesak supaya ditarik balik hak-hak istimewa orang Melayu.

"Orang Melayu pula mungkin mendesak supaya dihapuskan hak kerakyatan kepada bukan bumiputera," katanya.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, dalam keadaan seperti ini kedudukan politik negara tidak akan stabil dan akan juga menimbulkan masalah kepada pelaburan.

Bagaimanapun, beliau berkata hanya golongan minoriti yang mahukan perlembagaan dipinda, tetapi tidak bagi golongan majoriti.

"Golongan majoriti tidak fikir perlunya perlembagaan negara disemak," katanya.

Menurutnya, golongan yang mahu perlembagaan dipinda itu ialah mereka yang mewakili 200 — 300 orang ahli.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyangkal pendapat bahawa isu-isu politik dalam UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional boleh menjejaskan pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara ini.

Sambil menyifatkan perkembangan tersebut sebagai fenomena yang boleh berlaku dan boleh pula hilang dengan sendiri, Perdana Menteri berkata para pelabur yang serius tidak mudah terpengaruh atau

dipengaruhi oleh perkembangan seperti itu.

Katanya, pelabur-pelabur lazimnya tidak mudah dipengaruhi atau terpengaruh kepada khabar angin.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi contoh sebuah pelabur terkemuka dari Jepun Sony Corporation yang telah memberi persetujuan untuk meningkatkan pelaburannya di Pulau Pinang.

Ini kerana Sony berpendapat dan yakin bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang stabil dan yang selamat untuk melabur.